

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'  
MOHD YAZID  
[ KUALA KANGSAR ]**

**SOALAN : Datin Mastura Binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid  
[ Kuala Kangsar ] minta MENTERI LUAR  
NEGERI menyatakan apakah kesan atau  
implikasi terhadap rancangan tanpa visa  
Malaysia/Amerika Syarikat, apabila Presiden  
Amerika, Donald Trump mula mengeluarkan  
arahan untuk menghalang pendatang asing  
terutama orang Islam dari negara luar untuk  
memasuki Amerika Syarikat.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar di atas soalan beliau.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Presiden Amerika Syarikat telah mengeluarkan Arahan Eksekutif pada 26 Januari 2017, yang melarang rakyat daripada tujuh (7) negara majoriti Islam iaitu Iran, Iraq, Yaman, Syria, Somalia, Libya dan Sudan memasuki Amerika Syarikat.
3. Menurut pihak Amerika Syarikat, arahan tersebut adalah berlandaskan “*To Make America Safe*”, dengan izin, dan bertujuan untuk melindungi negara berkenaan daripada ancaman kumpulan pengganas dan ekstremis memasuki negara tersebut.
4. Dalam hal ini, arahan tersebut tiada kaitan dan tidak memberikan kesan kepada Malaysia. Kementerian Luar Negeri juga telah mendapatkan pengesahan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur bahawa tiada halangan bagi rakyat Malaysia memasuki negara tersebut asalkan mempunyai visa yang sah dan dokumen perjalanan yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang erat dan mesra dengan Amerika Syarikat. Ini

telah diperkuuhkan lagi dengan peningkatan hubungan dua hala dengan Amerika Syarikat ke tahap Perkongsian Komprehensif sejak tahun 2014 di dalam pelbagai bidang kerjasama utama termasuk politik, ekonomi, keselamatan dan pertahanan, yang telah memberikan banyak manfaat kepada kedua-dua buah negara. Oleh yang demikian, Malaysia percaya arahan tersebut tidak membawa implikasi yang negatif terhadap Malaysia. Sebaliknya pada masa ini, kita sedang mengadakan rundingan dengan pihak Amerika Syarikat bagi memuktamadkan penyertaan Malaysia ke dalam program pengecualian visa Amerika Syarikat. Program pengecualian visa tersebut akan memudahkan lagi kemasukan pelawat-pelawat rakyat Malaysia ke Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.